


Md. Shukri
Shuib

md.shukri@uum.edu.my



'Pengurusan ekonomi pint

Amerika, institusi kewangan antarabangsa tiru model inovatif kita

B.H. 13/6/09 MIS 20

Star' Malaysia berkesan

a untuk cuba tangani kegawatan semasa

NEGARA kini sedang memperkembangkan 'pengurusan ekonomi pintar' atau 'intelligent economy management'. Buktinya, setiap kali pusingan ekonomi global berada pada fasa kegawatan, seluruh dunia kelihatan bergelut dan mencari usaha mencari jalan 'penawar' kepada kemelesetan ekonomi yang berlaku.

Dalam setiap kegawatan, Malaysia tidak ketinggalan memikir dan bertindak untuk mengemukakan mekanisme yang mampu bukan saja mengubat krisis ekonomi daripada meresap jauh ke dalam negara, malah muncul dengan 'ubat' tertentu yang boleh dicontohi pula oleh negara lain.

Justeru, Malaysia berjaya 'mengantabangsakan' konsep pemulihan dan pembangunan ekonominya. Disebabkan pengalaman serta pemikiran yang tidak pernah jumud, Amerika Syarikat (AS) dan institusi kewangan antarabangsa termasuk Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) serta Bank Dunia kini dilihat dalam 'diam-diam' meniplak gaya Malaysia bagi mengatasi permasalahan ekonomi mereka.


Ramai ahli ekonomi antarabangsa kini mengikut jejak pakar ekonomi terkemuka seperti Profesor Joseph Stiglitz yang awal-awal lagi mengiktiraf 'kepintaran' Malaysia dalam 'merawat ekonomi bermasalah'.

Malaysia berjaya menghasilkan gaya tersendiri dalam merawat ekonomi negara berasaskan model rawatan ekonomi era Tun Dr Mahathir Mohamad yang dapat disimpulkan sebagai gaya 'Mahathiriskonomisme' iaitu berasaskan acuan pemikiran Dr Mahathir yang mampu mengambil risiko dan menyelesaikannya dalam acuan 'isme' atau kerangka pemikiran dan tindakan tersendiri.

Acuan 'Mahathiriskonomisme' seperti mengawal kegiatan spekulatif serta kawalan perdagangan mata wang, membuatkan dunia kini memiliki 'penawar' kepada kegawatan ekonomi. Namun, disebabkan kedangkalan dan kedegilan pimpinan dunia yang angkuh, maka penawar yang tersedia ada itu, seolah-olah diabaikan. Mencipta masalah mungkin mudah, tetapi mencari jalan penyelesaian masalah bukan mudah.

Justeru, Malaysia harus berbangga dengan keupayaan membina gaya tersendiri dalam memimpin negara berdepan krisis dan pergolakan ekonomi dunia. Kini, di bawah pimpinan 'pengurusan ekonomi pintar' diteroka Datuk Seri Najib Razak dengan sokongan kepakaran sedia ada, kemungkinan model terkini menjurus kepada cara pemikiran Najibisme untuk menjadi model terbaru ekonomi Malaysia.

Model Malaysia yang khusus terbina ketika negara bergelut menyelesaikan krisis ekonomi Asia yang turut melanda negara bermula Julai 1997 dengan kejatuhan nilai bath disusuli kejatuhan rupiah dan beberapa mata wang lainnya termasuk Ringgit Malaysia (RM) membuatkan Malaysia



SEKIRANYA negara menangguh atau membatalkan projek pembangunan, maka ia akan seterusnya infrastruktur negara.

tersedar bahawa mata wang juga mempunyai 'potensi sebagai senjata' untuk menghancurkan kestabilan politik, ekonomi dan sosial sesebuah negara.

Untuk itu, Malaysia mempromosi usaha mengawal perdagangan mata wang dan pada ketika itu mengambil pendekatan bertentangan dengan 'ajaran' liberal kapitalisme yang didokong kuat oleh pentadbiran Rumah Putih serta menggunakan institusi kewangan antarabangsa, terutama IMF untuk menguatkuasakan peraturan, membiarkan perusahaan negara untuk muflis atau menjualkan kepentingannya kepada syarikat asing dari Barat.

Malaysia tidak mengikut sebarang telunjuk Barat dalam menyelesaikan permasalahan yang mampu meragut kestabilan dan keutuhan negara. Rakyat Malaysia diingati bahawa peristiwa kegawatan ekonomi itu adalah berturutan berlaku bersama-sama dengan kemelut politik tanah air yang menyaksikan laungan 'reformasi' dilakukan pembangkang, pada hal negara sedang bergelut dengan krisis ketidaktentuan ekonomi yang mampu meragut kedaulatan negara, tetapi seruan pembangkang dilihat sebaliknya terus dengan cubaan melakukan 'rampasan kuasa' jalaran.

Usaha mereka tidak berjaya, dan terbukti keutuhan kerajaan tetap teguh hingga kini. Sejak September 1998 hingga kini, walaupun sudah 11 tahun berlalu, pimpinan pembangkang itu sedikit pun tidak mempunyai 'kepintaran' untuk mendahulukan kepentingan negara daripada kepentingan politik individu.

Dalam situasi ekonomi tidak menentu kini, setiap anggota masyarakat perlu me-

menuhkan Bank Idea Rakyat dengan menjana idea bagi mencari jalan mengekalkan keupayaan ekonomi negara dan memastikan kestabilan berjaya dicapai.

Meneruskan nikmat kepada rakyat perlu diletakkan paling utama. Namun, gangguan politik cuba terus digerakkan dan menjadikan Malaysia 'pasar polemik dan anarki'. Begitu pun, dengan ketabahan dan model sedia ada, ditambah pula inovasi terbaru kepemimpinan negara di bawah Najib bagi memastikan ekonomi negara terkawal dan stabil, diharap negara berupaya mengekang kemelesetan.

Di sebalik ancaman kegawatan global yang bermula di AS serta asakan pembangkang yang mahu membangkitkan sentimen rakyat, kepemimpinan sedia ada dilihat masih berkeupayaan mengurus 'sentimen' politik dan ekonomi dengan saksama.

Kawalan awal ke atas pasaran domestik negara dengan rangsangan penggunaan dan pelaburan serta memastikan kestabilan ekonomi menerusi pakej rangsangan dan bajet mini, maka fundamental ekonomi negara dan lebih penting 'poket rakyat' tetap dipastikan kukuh dan terisi.

Memperkenalkan mekanisme membina infrastruktur dengan mengglebeng sokongan kewangan dari negara 'sahabat' yang mempunyai kapasiti kewangan lebihan seperti di kalangan negara Asia dan pengeluar minyak, dilihat satu kaedah yang memberikan bukan saja manfaat kepada negara untuk jangka masa panjang, malah memberikan peluang pelaburan kepada negara 'sahabat'.

Lihat saja bagaimana Jepun bersungguh membantu negara yang dilanda kegawatan



SALLEHUDDIN AHFIN | BERITA HARIAN

nya membantu perkembangan

1997/98 termasuk Malaysia sehingga sanggup membiayai penubuhan Tabung mata wang Asia (AMF), yang kemudian disekat oleh Barat dan juga IMF.

Mekanisme kali ini yang cuba 'menarik' dana dari luar khusus untuk pembiayaan infrastruktur adalah bersifat pelan futuristik negara. Sekiranya negara menanguh atau membatalkan projek pembangunan, maka ia akan seterusnya membantu perkembangan infrastruktur negara.

Sejarah kejayaan Malaysia mengatasi kemelut ekonomi dipaparkan pada 1985 yang juga berada dalam keadaan gawat pada kadar pertumbuhan negatif 1 peratus mampu diatasi dan tumbuh kepada 1.2 peratus (1986) serta terus meningkat hingga mencecah 8.7 peratus (1988).

Fasa krisis ekonomi berlaku ulangan pada 1998 telah menjadikan negara yang hiper-pesat, sekali lagi mengalami susutan pertumbuhan kepada negatif 7.5 peratus. Betapa kepintaran mengurus ekonomi terbukti, Malaysia berjaya bangun dan mencipta semula pertumbuhan sebanyak 5.8 peratus (1999) yakni satu pertumbuhan mendadak sebanyak 13.3 peratus membuktikan Malaysia berjaya tanpa dokongan skim bantuan ekonomi Barat.

Ekonomi negara kita menguncup sebanyak 6.2 peratus bagi suku pertama tahun ini. Namun kerajaan menyemak semula unjuran pertumbuhan KDNK bagi tahun ini daripada antara -1 peratus hingga positif 1 peratus kepada -4 peratus hingga -5 peratus.

Tidak mustahil dengan kepintaran pengurusan ekonomi inovatif dan kreatif, kali ini juga kepimpinan negara akan mampu mencipta 'satu lagi keajaiban menerusi kepintaran rawatan ekonomi ala-Malaysia, untuk mengelak ekonomi negara daripada terus menguncup.

Penulis ialah Pensyarah di Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian

“ Dalam setiap kegawatan, Malaysia tidak ketinggalan memikir dan bertindak untuk mengemukakan mekanisme yang mampu bukan saja mengubat krisis ekonomi daripada meresap jauh ke dalam negara, malah muncul dengan 'ubat' tertentu yang boleh dicontohi pula oleh negara lain”

“ Kini, di bawah pimpinan 'pengurusan ekonomi pintar' diteroka Datuk Seri Najib Razak dengan sokongan kepakaran sedia ada, kemungkinan model terkini menjurus kepada cara pemikiran Najib-isme untuk menjadi model terbaru ekonomi Malaysia”

“ Sejarah kejayaan Malaysia mengatasi kemelut ekonomi dipaparkan pada 1985 yang juga berada dalam keadaan gawat pada kadar pertumbuhan negatif 1 peratus mampu diatasi dan tumbuh kepada 1.2 peratus (1986) serta terus meningkat hingga mencecah 8.7 peratus (1988)”